

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENYAMPUT TETAMU (F.1-2-3-4-5 EB.6)
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENYAMBUT TETAMU
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
F.1-2-3-4-5 EB.6 (\$445 - \$790 EB KHAS \$805 - \$865 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Tingkatan 1 atau sebanding.

ATAU

- b) Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun.
2. Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan dengan Penyambut Tetamu / Operator Telefon / Penjaga Telefon adalah kelebihan.
4. Berkemahiran menggunakan komputer adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjawab panggilan telefon di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia;
2. Menerima dan mencatat persuratan dan fail masuk;
3. Menyediakan persuratan / memo keliling bagi Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama;
4. Membuat panggilan ke Jabatan / Kementerian untuk menyusul persuratan yang telah dihadapakan; dan
5. Menerima arahan dari semasa ke semasa.